

KEMAHIRAN PEMIKIRAN SEJARAH DALAM MEMPERKUKUH KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI MURID SEKOLAH MENENGAH KE ARAH ASPIRASI RANCANGAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2026–2035

HISTORICAL THINKING SKILLS IN STRENGTHENING SECONDARY SCHOOL STUDENTS' HIGHER-ORDER THINKING SKILLS TOWARDS THE ASPIRATIONS OF THE MALAYSIA EDUCATION PLAN 2026–2035

Muhammad Khawar Hezazy Uthman^{1*}
Nurulasyikin Hassan²

¹ Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: khawarhezazy@gmail.com

² Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: nurulasyikin.h@fsk.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article history

Received date : 19-6-2026

Revised date : 20-6-2026

Accepted date : 25-7-2026

Published date : 1-8-2026

To cite this document:

Uthman, M. K. H., & Hassan, N. (2026). Kemahiran pemikiran sejarah dalam memperkukuh kemahiran berfikir aras tinggi murid sekolah menengah ke arah aspirasi Rancangan Pendidikan Malaysia 2026–2035. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (85), 222 – 237.

Abstrak: *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) merupakan antara fokus utama dalam Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) 2026–2035 bagi melahirkan murid yang berfikiran kritis, kreatif dan berupaya membuat pertimbangan secara rasional. Dalam konteks pendidikan Sejarah, Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) berperanan sebagai mekanisme pedagogi yang mampu mengoperasikan KBAT melalui proses analisis, interpretasi dan penilaian berasaskan bukti sejarah. Kertas konseptual ini bertujuan membincangkan peranan KPS dalam memperkukuh KBAT murid sekolah menengah selaras dengan aspirasi RPM 2026–2035. Perbincangan berasaskan analisis literatur semasa berkaitan pendidikan Sejarah, pemikiran sejarah dan KBAT. Dapatan analisis menunjukkan bahawa lima elemen utama KPS, iaitu memahami kronologi, meneroka bukti, membuat interpretasi, membuat imaginasi dan membuat rasionalisasi mempunyai hubungan yang signifikan dengan domain KBAT yang melibatkan kemahiran menganalisis, menilai dan mencipta. Penguasaan KPS membolehkan murid menilai kesahihan sumber, membina hujah berasaskan evidens, memahami pelbagai perspektif sejarah serta menghasilkan pertimbangan yang lebih rasional terhadap isu sejarah dan semasa. Walau bagaimanapun, pelaksanaan KPS masih berhadapan dengan cabaran seperti amalan pedagogi berorientasikan hafalan, kekangan masa, keterbatasan sumber pembelajaran dan tahap kompetensi guru yang berbeza. Sehubungan itu, pemeraksanaan pedagogi berasaskan inkuiri, penggunaan sumber sejarah autentik, pentaksiran berorientasikan KBAT dan integrasi teknologi digital perlu diperkukuh bagi memastikan KPS dapat berfungsi secara optimum dalam melahirkan murid yang berfikiran kritis, reflektif dan berdaya saing.*

Kata Kunci: *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS), Pedagogi Inkuiri, Pendidikan Sejarah, Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) 2026–2035*

Abstract: *Higher-Order Thinking Skills (HOTS) represent one of the primary focuses of the Malaysia Education Plan (MEP) 2026–2035 to foster students who think critically, creatively, and possess the capability to make rational judgments. In the context of History education, Historical Thinking Skills (HTS) serve as a pedagogical mechanism capable of operationalizing HOTS through evidence-based historical processes of analysis, interpretation, and evaluation. This conceptual paper aims to discuss the role of HTS in strengthening secondary school students' HOTS in alignment with the aspirations of MEP 2026–2035. The discussion is grounded in a literature review of current studies related to History education, historical thinking, and HOTS. The analysis indicates that the five core elements of HTS—namely understanding chronology, exploring evidence, making interpretations, engaging in imagination, and making rationalizations—have a significant relationship with the HOTS domains involving analyzing, evaluating, and creating skills. Mastery of HTS enables students to evaluate source validity, construct evidence-based arguments, understand diverse historical perspectives, and make more rational judgments regarding historical and current issues. However, the implementation of HTS still faces challenges, such as memorization-oriented pedagogical practices, time constraints, limited learning resources, and varying levels of teacher competency. Consequently, the empowerment of inquiry-based pedagogy, the utilization of authentic historical sources, HOTS-oriented assessments, and the integration of digital technology must be strengthened to ensure HTS functions optimally in producing critical, reflective, and competitive students.*

Keywords: *Higher-Order Thinking Skills (HOTS); Historical Thinking Skills (HTS); Inquiry Pedagogy; History Education; Malaysia Education Plan (MEP) 2026–2035*

Latar Belakang Kajian

Transformasi pendidikan abad ke-21 (PAK21) telah mengubah orientasi sistem pendidikan daripada penekanan terhadap penguasaan kandungan semata-mata kepada pembangunan keupayaan intelektual, pemikiran kritis, kreativiti, dan penyelesaian masalah secara rasional. Dalam konteks semasa, sistem pendidikan perlu melahirkan generasi yang bukan sahaja memiliki pengetahuan, tetapi turut berkeupayaan menilai maklumat, membuat pertimbangan berasaskan bukti, serta memahami realiti sosial secara reflektif dan demokratik. Keperluan ini menjadi semakin signifikan dalam era globalisasi dan ledakan maklumat digital yang menyaksikan perubahan pesat terhadap cara masyarakat memperoleh, mentafsir, dan menyebarkan pengetahuan (Piaw et al., 2025).

Di Malaysia, agenda transformasi pendidikan diteruskan melalui pelaksanaan Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) 2026–2035 sebagai kesinambungan kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025. RPM 2026–2035 memberi penekanan terhadap pembangunan murid secara holistik melalui pengukuhan pedagogi inkuiri, pengintegrasian teknologi digital, dan pemerkasaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kurikulum sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2026). Aspirasi ini selaras dengan kecenderungan global yang melihat KBAT sebagai komponen utama dalam pembangunan modal insan abad ke-21 (OECD, 2023).

Dalam konteks pendidikan Sejarah, perubahan orientasi pendidikan tersebut memberikan implikasi yang signifikan terhadap pendekatan pengajaran dan pembelajaran di sekolah menengah. Mata pelajaran Sejarah tidak lagi dilihat sekadar medium penyampaian fakta dan peristiwa lampau, tetapi berfungsi sebagai wahana pembangunan literasi sejarah, kesedaran sivik, dan pemikiran kritis murid. Pendidikan Sejarah yang berkesan berupaya membantu murid memahami hubungan antara masa lalu dengan realiti semasa melalui proses analisis, interpretasi, dan penilaian terhadap bukti sejarah (Cairns & Garrard, 2024; Lévesque & Clark, 2018).

Walau bagaimanapun, pengajaran Sejarah di sekolah masih sering dipengaruhi oleh pendekatan tradisional yang terlalu menekankan hafalan fakta dan orientasi peperiksaan. Situasi ini menyebabkan proses pembelajaran kurang memberi ruang kepada pengembangan KBAT secara autentik dan bermakna. Menurut Kaviza, (2021), amalan pedagogi yang terlalu berorientasikan kandungan boleh menghadkan penglibatan intelektual murid serta mengurangkan keberkesanan pembangunan pemikiran sejarah dalam bilik darjah.

Sehubungan dengan itu, Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) diperkenalkan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Sejarah KSSM sebagai elemen teras bagi memperkukuh proses pemikiran murid dalam pembelajaran sejarah. KPS merangkumi kemahiran memahami kronologi, meneroka bukti, membuat interpretasi, membuat imaginasi, dan membuat rasionalisasi terhadap sesuatu peristiwa sejarah. Keseluruhan elemen tersebut melibatkan aktiviti kognitif aras tinggi seperti menganalisis, menilai, dan membina inferens secara reflektif. Kajian oleh Ofianto et al., (2022), turut menegaskan bahawa penilaian berasaskan pemikiran sejarah berupaya meningkatkan kebolehan murid menganalisis hubungan sebab dan akibat sesuatu peristiwa secara lebih kritis dan sistematik.

Kepentingan KPS menjadi semakin relevan dalam era digital apabila murid terdedah kepada pelbagai bentuk naratif sejarah melalui media sosial dan platform dalam talian yang tidak semuanya tepat atau berautoriti. Fenomena manipulasi sejarah dan penyebaran maklumat palsu menuntut murid memiliki keupayaan menilai kesahihan sumber serta memahami sesuatu peristiwa daripada pelbagai perspektif. Dalam situasi ini, penguasaan KPS dapat membantu murid membina literasi sejarah dan keupayaan membuat pertimbangan secara rasional terhadap isu sejarah dan semasa (Anthonysamy & Sivakumar, 2022).

Oleh yang demikian, kertas konseptual ini bertujuan untuk membincangkan kepentingan integrasi KPS sebagai wahana utama dalam mengoperasikan KBAT dalam pendidikan Sejarah sekolah menengah. Melalui penelitian literatur, kertas ini akan mengemukakan hubungan antara elemen-elemen KPS dengan tuntutan RPM 2026–2035 serta membincangkan implikasi pedagogi terhadap amalan pengajaran guru Sejarah dalam era pendidikan semasa.

Metodologi Kajian

Artikel ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kertas konseptual yang berasaskan analisis dokumen dan sorotan literatur berkaitan KPS, KBAT dan pendidikan Sejarah. Pendekatan ini dipilih kerana sesuai untuk meneroka hubungan konseptual antara KPS dan KBAT dalam konteks pendidikan Sejarah sekolah menengah serta aspirasi RPM 2026–2035. Literatur yang dikenal pasti dianalisis menggunakan pendekatan analisis kandungan secara tematik bagi mengenal pasti tema-tema utama berkaitan hubungan antara KPS dan KBAT, cabaran pelaksanaan KPS serta strategi pemerkasaan KPS dalam pendidikan Sejarah. Bagi

memastikan kekuatan penghujahan dan kesahan konseptual, hanya sumber akademik yang berautoriti, relevan dan terkini digunakan dalam proses analisis dan sintesis literatur.

Sorotan Literatur Dan Konseptualisasi KPS Dalam KBAT

KPS merupakan antara komponen utama dalam transformasi pendidikan Sejarah yang menekankan pembangunan keupayaan intelektual murid secara lebih kritis, reflektif, dan analitis. Dalam perkembangan semasa PAK21, pembelajaran Sejarah tidak lagi tertumpu kepada penguasaan fakta secara mekanikal, sebaliknya memberi penekanan terhadap proses memahami, menilai, dan mentafsir sesuatu peristiwa berdasarkan bukti sejarah yang sahih. Pendekatan ini selaras dengan perubahan epistemologi dalam disiplin sejarah yang melihat sejarah sebagai suatu bidang interpretatif dan bukannya sekadar himpunan maklumat lampau yang bersifat statik (Lévesque & Clark, 2018; Miguel-Revilla et al., 2022).

Konsep KPS berkembang daripada tradisi pemikiran sejarah atau *historical thinking* yang menekankan penggunaan proses kognitif dalam memahami sesuatu peristiwa sejarah. Menurut Seixas dan Morton (2013), pemikiran sejarah melibatkan keupayaan individu menilai kepentingan sejarah, memahami bukti, mengenal pasti kesinambungan dan perubahan, menganalisis sebab dan akibat, memahami perspektif sejarah, serta membuat pertimbangan etika terhadap sesuatu peristiwa. Pendekatan ini menunjukkan bahawa pembelajaran sejarah memerlukan murid menguasai proses intelektual yang kompleks dan bukan sekadar menghafal fakta sejarah semata-mata.

Sejajar dengan pandangan Wineburg (2001), Lee dan Nurulasyikin (2023) turut menegaskan bahawa pemikiran sejarah merupakan suatu proses kognitif yang mencabar kerana ia menuntut murid untuk memahami sesuatu peristiwa berdasarkan konteks zamannya dan bukannya menerusi lensa penilaian masa kini. Dalam konteks ini, murid perlu menganalisis sumber sejarah secara kritis, mengenal pasti bias, membuat interpretasi terhadap bukti, dan membina hujah yang berasaskan evidens sejarah. Pendekatan sedemikian memperlihatkan bahawa pembelajaran sejarah secara autentik mempunyai hubungan langsung dengan pembangunan pemikiran aras tinggi.

Dalam konteks pendidikan Sejarah di Malaysia, konsep KPS diperincikan melalui Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Sejarah KSSM yang menekankan lima elemen utama iaitu memahami kronologi, meneroka bukti, membuat interpretasi, membuat imaginasi, dan membuat rasionalisasi. Kesemua elemen tersebut dibangunkan bagi membolehkan murid memahami sejarah secara lebih bermakna serta mengembangkan kebolehan berfikir secara kritis dan reflektif. Menurut Kaviza, (2021), penerapan KPS dalam pengajaran Sejarah mampu meningkatkan penglibatan intelektual murid kerana proses pembelajaran tidak lagi hanya tertumpu kepada pengingatan fakta, tetapi melibatkan aktiviti analisis, penilaian, dan pembinaan makna sejarah secara aktif.

Selain itu, KPS turut mempunyai hubungan yang signifikan dengan konsep literasi sejarah (*historical literacy*). Konsep ini merujuk kepada keupayaan memahami sejarah melalui penggunaan bukti, interpretasi, dan penilaian terhadap sesuatu naratif sejarah. Lévesque dan Clark (2018) menjelaskan bahawa literasi sejarah membolehkan murid memahami bagaimana sesuatu pengetahuan sejarah dibina, diperdebatkan, dan ditafsirkan berdasarkan konteks tertentu. Oleh itu, penguasaan KPS bukan sahaja membantu murid memahami kandungan sejarah, tetapi turut membentuk kesedaran sejarah dan pemikiran demokratik dalam menghadapi pelbagai isu semasa.

Dalam perkembangan pendidikan semasa, perbincangan mengenai KPS juga berkait rapat dengan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). KBAT merujuk kepada keupayaan murid menggunakan proses kognitif kompleks seperti menganalisis, menilai, dan mencipta dalam menyelesaikan masalah atau membuat pertimbangan terhadap sesuatu isu (Anderson & Krathwohl, 2001). Dalam sistem pendidikan Malaysia, KBAT menjadi antara fokus utama transformasi kurikulum melalui pengintegrasian elemen pemikiran kritis dan penyelesaian masalah dalam pengajaran dan pembelajaran (KPM 2026). Konseptualisasi KBAT dalam pendidikan banyak dipengaruhi oleh Taksonomi Bloom Semakan Semula yang diperkenalkan oleh Anderson dan Krathwohl. Taksonomi tersebut membahagikan domain kognitif kepada enam tahap utama iaitu mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai, dan mencipta. Dalam konteks KBAT, tiga tahap tertinggi iaitu menganalisis, menilai, dan mencipta dianggap sebagai asas utama pembangunan pemikiran aras tinggi kerana melibatkan proses penaakulan, interpretasi, dan penyelesaian masalah secara kompleks.


Hubungan antara KPS dengan KBAT dapat dilihat secara jelas melalui proses pemikiran sejarah yang menuntut murid menggunakan kemahiran analisis dan penilaian secara berterusan. Sebagai contoh, aktiviti meneroka bukti sejarah memerlukan murid menilai kesahihan sumber serta mengenal pasti hubungan antara bukti dengan sesuatu peristiwa sejarah. Proses membuat interpretasi pula melibatkan kebolehan membina inferens dan hujah berdasarkan sumber yang dianalisis. Dalam konteks ini, pembelajaran sejarah secara tidak langsung mengoperasikan KBAT melalui aktiviti kognitif yang memerlukan murid berfikir secara mendalam dan reflektif.

Kajian oleh Ofianto et al., (2022) menunjukkan bahawa penilaian berasaskan pemikiran sejarah dapat meningkatkan keupayaan murid menganalisis hubungan sebab dan akibat sesuatu peristiwa sejarah secara lebih sistematik. Dapatan tersebut membuktikan bahawa pengintegrasian KPS dalam pengajaran Sejarah mempunyai potensi yang besar dalam memperkukuh pembangunan KBAT murid sekolah menengah. Pada masa yang sama, pendekatan berasaskan pemikiran sejarah turut membantu murid memahami bahawa sesuatu peristiwa sejarah boleh ditafsirkan daripada pelbagai perspektif bergantung kepada bukti dan konteks tertentu.

Dari sudut teori pendidikan, hubungan antara KPS dengan KBAT dapat dijelaskan melalui teori konstruktivisme yang menekankan pembinaan pengetahuan secara aktif oleh murid. Menurut teori ini, pembelajaran berlaku apabila murid membina makna melalui pengalaman, interaksi sosial, dan penerokaan terhadap sesuatu isu. Dalam pembelajaran Sejarah, murid tidak menerima fakta secara pasif, sebaliknya membina kefahaman melalui proses penyiasatan sejarah, analisis sumber, dan perbincangan interpretatif. Pendekatan ini selaras dengan pedagogi inkuiri yang menekankan penerokaan persoalan sejarah secara kritis dan reflektif.

Selain itu, teori pemikiran reflektif oleh Dewey (1933) turut mempunyai hubungan yang signifikan dengan pengembangan KPS dan KBAT. Berasaskan pemikiran reflektif tersebut, Levstik dan Barton (2022) menghujahkan bahawa pembelajaran sejarah yang bermakna memerlukan penglibatan aktif murid dalam proses inkuiri, penilaian bukti dan pembinaan interpretasi yang disokong oleh penaakulan yang munasabah. Dalam konteks ini, KPS berfungsi sebagai mekanisme yang membolehkan murid menganalisis, mentafsir dan menilai maklumat sejarah secara kritis sebelum membentuk sesuatu kesimpulan. Oleh itu, KPS bukan sahaja menyokong perkembangan pemikiran reflektif, malah menjadi asas kepada penguasaan KBAT dalam pembelajaran sejarah.

Secara keseluruhannya, sorotan literatur menunjukkan bahawa KPS mempunyai hubungan yang sangat signifikan dengan pembangunan KBAT dalam pendidikan Sejarah. KPS bukan sahaja membantu murid memahami sejarah secara lebih kritis dan bermakna, tetapi turut berfungsi sebagai medium pengembangan pemikiran analitis, reflektif, dan evidensial dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Dalam konteks transformasi pendidikan semasa, pengukuhan KPS menjadi semakin penting bagi memastikan mata pelajaran Sejarah mampu melahirkan generasi yang mempunyai literasi sejarah, pemikiran kritis, dan keupayaan membuat pertimbangan secara rasional terhadap isu sejarah dan semasa.



Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual yang menerangkan hubungan antara KPS dan KBAT dalam pendidikan Sejarah. Berdasarkan aspirasi RPM 2026–2035, penguasaan lima elemen KPS berfungsi sebagai mekanisme yang menggerakkan proses analisis, penilaian, refleksi dan penaakulan sejarah yang seterusnya menyumbang kepada pembangunan KBAT dalam kalangan murid sekolah menengah. Pengukuhan KPS dijangka menghasilkan murid yang mempunyai literasi sejarah, pemikiran kritis dan keupayaan membuat pertimbangan secara rasional terhadap isu sejarah dan semasa.

Analisis dan Perbincangan

Elemen KPS Sebagai Pemangkin KBAT Dalam Pendidikan Sejarah

KPS dalam DSKP Sejarah KSSM merangkumi lima elemen utama iaitu memahami kronologi, meneroka bukti, membuat interpretasi, membuat imaginasi, dan membuat rasionalisasi (KPM, 2018). Kelima-lima elemen ini bukan sahaja membantu murid memahami kandungan sejarah secara lebih bermakna, malah berfungsi sebagai mekanisme pedagogi yang mengembangkan KBAT melalui proses analisis, penilaian, dan pembinaan hujah berasaskan bukti. Dalam konteks pendidikan Sejarah, penguasaan KPS membolehkan murid melibatkan diri secara aktif

dalam pembinaan pengetahuan, sekali gus mengubah pembelajaran daripada berorientasikan hafalan kepada pemikiran yang lebih kritis dan reflektif.

Memahami Kronologi: Asas Pemikiran Analitis

Memahami kronologi merujuk kepada keupayaan murid menyusun dan memahami peristiwa sejarah mengikut urutan masa secara sistematik. Penguasaan elemen ini membolehkan murid mengenal pasti hubungan antara peristiwa, memahami kesinambungan dan perubahan, serta menganalisis faktor yang mempengaruhi perkembangan sesuatu peristiwa sejarah. Menurut Seixas & Morton, (2013), pemahaman kronologi merupakan asas kepada pemikiran sejarah kerana sesuatu peristiwa hanya dapat difahami dengan tepat apabila ditempatkan dalam konteks masa yang sesuai.

Dalam konteks KBAT, kronologi tidak terhad kepada penghafalan tarikh atau urutan peristiwa semata-mata. Sebaliknya, murid perlu menganalisis hubungan sebab dan akibat, mengenal pasti pola perubahan, serta menjelaskan bagaimana sesuatu peristiwa mempengaruhi perkembangan sejarah yang seterusnya. Keupayaan ini secara langsung menyokong domain analisis dalam KBAT kerana murid perlu menghubungkan pelbagai maklumat untuk menghasilkan pemahaman yang lebih menyeluruh terhadap sesuatu isu sejarah.

Penguasaan kronologi bukan sekadar membantu murid memahami urutan sesuatu peristiwa, tetapi turut membolehkan mereka menjelaskan bagaimana sesuatu perkembangan sejarah membentuk perubahan sosial, politik dan ekonomi pada tempoh berikutnya. Keupayaan melihat hubungan temporal ini menjadi asas kepada pembentukan penaklukan sejarah yang sistematik serta menyokong pembangunan pemikiran analitis yang merupakan komponen penting dalam domain KBAT.

Meneroka Bukti: Pemantapan Pemikiran Berasaskan Fakta

Elemen meneroka bukti merujuk kepada keupayaan murid mengenal pasti, menganalisis, dan menilai sumber sejarah bagi memahami sesuatu peristiwa secara lebih objektif. Dalam disiplin sejarah, bukti memainkan peranan penting kerana setiap tafsiran sejarah perlu disokong oleh sumber yang sahih dan boleh dipercayai. Oleh itu, murid perlu didedahkan kepada pelbagai sumber seperti dokumen, surat rasmi, gambar, artifak, memoir, dan sumber sekunder bagi membolehkan mereka memahami bagaimana pengetahuan sejarah dibina.

Menurut Lévesque & Clark, (2018), penggunaan bukti merupakan komponen penting dalam literasi sejarah kerana murid perlu memahami bahawa sejarah bukan sekadar penerimaan fakta, tetapi hasil daripada proses analisis terhadap sumber yang tersedia. Dalam konteks KBAT, penerokaan bukti menuntut murid menilai kesahihan, kebolehpercayaan, dan kerelevanan sesuatu sumber sebelum membuat kesimpulan. Aktiviti ini memerlukan murid menggunakan pemikiran kritis dan pertimbangan yang rasional, sekali gus memperkukuh domain penilaian dalam KBAT.

Kajian oleh Ofianto et al., (2022), turut menunjukkan bahawa penggunaan aktiviti berasaskan bukti sejarah mampu meningkatkan keupayaan murid menganalisis hubungan sebab dan akibat sesuatu peristiwa secara lebih sistematik. Hal ini membuktikan bahawa penerokaan bukti berfungsi sebagai medium penting dalam mengembangkan pemikiran analitis dan evidensial dalam kalangan murid.

Dalam persekitaran digital yang dipenuhi dengan pelbagai sumber maklumat dan naratif sejarah yang bersifat terbuka, keupayaan murid untuk menilai kesahihan dan kebolehpercayaan sesuatu sumber menjadi semakin penting. Murid bukan sahaja perlu mengenal pasti fakta sejarah yang tepat, tetapi juga perlu membezakan antara bukti, tafsiran dan manipulasi maklumat yang boleh mempengaruhi pemahaman sejarah mereka. Sehubungan itu, elemen meneroka bukti berperanan memperkukuh domain penilaian dalam KBAT serta menyumbang kepada pembangunan literasi maklumat dan pemikiran kritis yang menjadi tuntutan utama pendidikan abad ke-21.

Membuat Interpretasi: Pembinaan Hujah Sejarah

Membuat interpretasi merujuk kepada keupayaan murid mentafsir sesuatu peristiwa berdasarkan bukti, konteks, dan perspektif tertentu. Dalam disiplin sejarah, sesuatu peristiwa boleh ditafsirkan secara berbeza bergantung kepada sumber yang digunakan dan pendekatan yang diambil oleh seseorang sejarawan. Oleh itu, murid perlu memahami bahawa sejarah bukanlah satu naratif yang bersifat mutlak, tetapi terbuka kepada pelbagai tafsiran yang berasaskan bukti.

Wineburg (2001) menjelaskan bahawa pemikiran sejarah memerlukan murid memahami bagaimana sesuatu tafsiran dibentuk dan menilai kekuatan hujah yang menyokong sesuatu pandangan. Dalam konteks KBAT, proses membuat interpretasi melibatkan keupayaan membandingkan perspektif, membina inferens, dan menghasilkan hujah yang disokong oleh evidens sejarah. Melalui proses ini, murid bukan sahaja memahami apa yang berlaku, tetapi turut menjelaskan mengapa sesuatu peristiwa berlaku dan bagaimana peristiwa tersebut ditafsirkan oleh pihak yang berbeza.

Keupayaan membina interpretasi yang berasaskan bukti secara langsung mengembangkan domain analisis dan penilaian dalam KBAT. Hal ini kerana sesuatu peristiwa sejarah lazimnya boleh ditafsirkan daripada pelbagai perspektif bergantung kepada sumber, konteks dan kedudukan pihak yang terlibat. Pendedahan kepada kepelbagaian tafsiran ini membantu murid memahami bahawa sejarah merupakan disiplin yang bersifat interpretatif dan terbuka kepada perbincangan akademik, sekali gus membezakan pembelajaran sejarah daripada pendekatan hafalan fakta semata-mata. Dalam konteks ini, proses membandingkan, menilai dan mempertahankan sesuatu interpretasi berdasarkan evidens berupaya mengembangkan keupayaan penaakulan, penghujahan dan pemikiran reflektif dalam kalangan murid. Oleh yang demikian, semakin tinggi keupayaan murid menghasilkan interpretasi yang rasional dan berasaskan bukti, semakin tinggi tahap pemikiran kritis yang dapat dibangunkan melalui pembelajaran Sejarah.

Membuat Imaginasi: Pengembangan Empati Sejarah

Elemen membuat imaginasi merujuk kepada keupayaan murid membayangkan pengalaman, pemikiran, dan tindakan masyarakat lampau berdasarkan konteks sejarah yang sebenar. Elemen ini berkait rapat dengan konsep empati sejarah yang membolehkan murid memahami mengapa individu atau kelompok tertentu bertindak sedemikian dalam keadaan yang mereka hadapi pada masa tersebut.

Menurut Seixas dan Morton (2013), empati sejarah bukan bermaksud menerima atau bersetuju dengan tindakan masyarakat lampau, tetapi memahami rasional yang mempengaruhi tindakan mereka berdasarkan konteks sejarah yang wujud. Oleh itu, imaginasi sejarah perlu dibina berasaskan bukti dan bukannya andaian yang tidak mempunyai asas sejarah.

Dari sudut KBAT, imaginasi sejarah membantu murid menggabungkan pelbagai maklumat dan perspektif bagi membentuk gambaran yang lebih menyeluruh tentang sesuatu peristiwa. Proses ini melibatkan sintesis maklumat, refleksi, dan pertimbangan kontekstual yang dapat memperkukuh keupayaan murid berfikir secara mendalam serta memahami kerumitan sesuatu isu sejarah.

Pengembangan imaginasi sejarah mempunyai kepentingan yang tersendiri kerana elemen ini membantu murid memahami tindakan, keputusan dan pengalaman masyarakat lampau berdasarkan konteks zamannya dan bukannya melalui nilai atau perspektif semasa. Keupayaan untuk meletakkan diri dalam kerangka pemikiran masyarakat terdahulu dapat mengelakkan penilaian yang bersifat anakronistik, iaitu kecenderungan menilai masyarakat lampau menggunakan nilai dan standard semasa. Justeru, proses mempertimbangkan pelbagai kemungkinan dan perspektif turut menyumbang kepada pembangunan pemikiran reflektif, kematangan intelektual dan keupayaan membuat pertimbangan yang lebih seimbang dalam kalangan murid.

Membuat Rasionalisasi: Kemuncak Penguasaan KBAT

Membuat rasionalisasi merupakan elemen yang menuntut murid menghasilkan pertimbangan yang logik dan berasaskan bukti terhadap sesuatu isu atau peristiwa sejarah. Elemen ini dianggap sebagai kemuncak kepada penguasaan KPS kerana murid perlu mengintegrasikan kemahiran kronologi, penerokaan bukti, interpretasi, dan imaginasi sebelum menghasilkan sesuatu kesimpulan yang rasional.

Dalam konteks pembelajaran Sejarah, rasionalisasi membolehkan murid menilai implikasi sesuatu peristiwa, mempertimbangkan pelbagai perspektif, serta membina keputusan yang mempunyai justifikasi yang jelas. Murid tidak hanya menerima sesuatu pandangan sejarah secara pasif, tetapi berupaya menilai kekuatan dan kelemahan sesuatu hujah berdasarkan bukti yang tersedia. Hubungan antara rasionalisasi dan KBAT amat jelas kerana proses ini melibatkan domain penilaian dan penciptaan yang merupakan aras tertinggi dalam Taksonomi Bloom. Oleh itu, melalui rasionalisasi ini, murid dapat menghasilkan kesimpulan yang berasaskan evidens serta mengemukakan pandangan yang lebih matang dan bertanggungjawab terhadap sesuatu isu sejarah.

Berbanding elemen KPS yang lain, rasionalisasi menuntut murid mengintegrasikan keseluruhan proses pemikiran sejarah sebelum sesuatu keputusan atau pertimbangan dibuat. Murid bukan sahaja perlu memahami kronologi peristiwa, malah perlu menilai bukti, membina interpretasi serta mempertimbangkan konteks sejarah yang melatarbelakangi sesuatu isu. Proses integratif ini menjadikan rasionalisasi sebagai manifestasi tertinggi penguasaan KBAT kerana murid dikehendaki menghasilkan pertimbangan yang logik, berasas dan dapat dipertahankan melalui penghujahan yang disokong oleh bukti sejarah yang sahih dan relevan.

Hubungan KPS dengan Domain KBAT

Secara keseluruhannya, kelima-lima elemen KPS mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembangunan KBAT. Memahami kronologi membantu murid membangunkan keupayaan analisis melalui pengenalan hubungan sebab dan akibat serta kesinambungan dan perubahan. Meneroka bukti pula memperkukuh kebolehan menilai kesahihan dan kerelevanan maklumat, manakala membuat interpretasi mengembangkan keupayaan membina hujah yang berasaskan evidens.

Pada masa yang sama, membuat imaginasi menyumbang kepada pembangunan pemikiran reflektif dan sintesis melalui pembentukan empati sejarah, sementara membuat rasionalisasi membolehkan murid menghasilkan pertimbangan yang logik dan keputusan yang berasaskan bukti. Hubungan ini menunjukkan bahawa KPS bukan sekadar kemahiran khusus dalam mata pelajaran Sejarah, tetapi merupakan mekanisme pedagogi yang berupaya mengoperasikan KBAT secara autentik dan bermakna.

Selaras dengan aspirasi RPM 2026–2035, pengukuhan KPS berpotensi menyumbang kepada pembentukan murid yang berfikiran kritis, reflektif, dan berupaya membuat pertimbangan secara berasaskan bukti. Oleh itu, KPS perlu terus diperkasakan dalam amalan pengajaran dan pembelajaran Sejarah agar matlamat pembangunan modal insan yang digariskan dalam sistem pendidikan negara dapat direalisasikan dengan lebih berkesan.

Cabaran Pelaksanaan KPS Dalam Pengukuhan KBAT

Walaupun KPS telah diberikan penekanan yang signifikan dalam DSKP Sejarah KSSM sebagai mekanisme untuk memperkukuh KBAT, pelaksanaannya dalam bilik darjah masih berhadapan dengan pelbagai cabaran (Sahid et al., 2024). Cabaran tersebut melibatkan aspek pedagogi, kompetensi guru, kurikulum, sumber pembelajaran, dan budaya pendidikan yang masih dipengaruhi oleh orientasi peperiksaan (Mohd Sahid & Hashim, 2022). Keadaan ini memberi implikasi terhadap keberkesanan usaha mengintegrasikan KPS secara menyeluruh dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah.

Amalan Pedagogi Berorientasikan Hafalan

Salah satu cabaran utama dalam pelaksanaan KPS ialah amalan pengajaran yang masih berorientasikan hafalan fakta dan penyampaian kandungan secara tradisional (Maria & Ahmad, 2019; Kaviza, 2021). Walaupun kurikulum Sejarah telah mengalami perubahan dengan penekanan terhadap pembangunan pemikiran sejarah, sebahagian proses pengajaran masih tertumpu kepada penguasaan maklumat seperti tarikh, tokoh, dan peristiwa bagi memenuhi keperluan peperiksaan (Wineburg, 2001; Kaviza, 2021). Keadaan ini menyebabkan murid lebih cenderung menghafal fakta berbanding memahami proses pembinaan pengetahuan sejarah secara kritis (Wineburg, 2001).

Menurut Kaviza (2021), keberkesanan penerapan KPS bergantung kepada keupayaan guru mengintegrasikan aktiviti yang mendorong murid menganalisis, mentafsir, dan menilai sesuatu peristiwa sejarah. Namun demikian, pendekatan pengajaran yang terlalu berpusatkan guru boleh mengehadkan peluang murid untuk terlibat secara aktif dalam proses penyiasatan sejarah (Maria & Ahmad, 2022; Kaviza, 2021). Akibatnya, KPS sering dilaksanakan pada tahap yang minimum dan tidak mencapai matlamat untuk mengembangkan KBAT secara autentik (Mohd Sahid & Hashim, 2022; Kaviza, 2021).

Kompetensi dan Kesediaan Guru

Cabaran seterusnya adalah melibatkan tahap kompetensi dan kesediaan guru dalam melaksanakan KPS. Pengajaran berasaskan KPS memerlukan guru memahami bukan sahaja kandungan sejarah, tetapi juga epistemologi sejarah, kaedah analisis sumber, serta strategi pedagogi yang mampu menggalakkan pemikiran aras tinggi (Mohd Sahid & Hashim, 2022). Dalam amalan sebenar, terdapat guru yang masih kurang yakin untuk mengendalikan aktiviti berasaskan inkuiri, perbincangan sejarah, atau analisis sumber kerana memerlukan kemahiran pedagogi yang lebih kompleks (Rahim et al., 2021).

Situasi ini menjadi lebih mencabar apabila guru perlu mengimbangi keperluan menamatkan sukatan pelajaran dengan pelaksanaan aktiviti yang mengembangkan KBAT. Kekurangan latihan profesional yang khusus berkaitan KPS menyebabkan tahap penguasaan guru terhadap konsep dan aplikasi KPS tidak seragam. Kajian Kaviza, (2018) menunjukkan bahawa guru yang pernah mengikuti latihan profesional berkaitan KPS mempunyai tahap penerapan KPS yang lebih tinggi berbanding guru yang tidak menerima latihan sedemikian. Oleh itu, usaha memperkukuh kompetensi guru menjadi faktor penting dalam memastikan KPS dapat diterapkan secara berkesan dalam bilik darjah.

Kekangan Kurikulum dan Masa Pengajaran

Pelaksanaan KPS turut berhadapan dengan kekangan masa dan tuntutan kurikulum. Pengajaran berasaskan KPS memerlukan masa yang mencukupi untuk membolehkan murid meneroka sumber, menganalisis bukti, membina interpretasi, dan menghasilkan hujah yang berasaskan evidens. Walau bagaimanapun, keluasan kandungan kurikulum sering menyebabkan guru memberi keutamaan kepada penyampaian fakta bagi memastikan sukatan pelajaran dapat dihabiskan mengikut perancangan. Keadaan ini menyebabkan aktiviti yang melibatkan pemikiran mendalam seperti analisis dokumen sejarah, perbincangan interpretatif, atau kajian kes sejarah sukar dilaksanakan secara konsisten. Akibatnya, pengajaran lebih tertumpu kepada aspek kandungan berbanding proses pemikiran yang menjadi asas kepada KPS dan KBAT (Kaviza, 2021; Lee & Hassan, 2023). Sekiranya cabaran ini tidak ditangani, matlamat untuk melahirkan murid yang mampu berfikir secara kritis dan reflektif melalui pembelajaran Sejarah akan sukar direalisasikan.

Keterbatasan Sumber Pembelajaran

Keberkesanan pelaksanaan KPS juga dipengaruhi oleh ketersediaan sumber pembelajaran yang sesuai. Dalam banyak situasi, buku teks masih menjadi sumber utama dalam pengajaran Sejarah. Naratif dalam buku teks sejarah lazimnya memaparkan perspektif yang terhad, sedangkan pendedahan kepada pelbagai perspektif didapati membantu murid membina perwakilan sejarah yang lebih menyeluruh dan kritis (Kropman et al., 2023).

Pengajaran berdasarkan KPS memerlukan akses kepada sumber sejarah autentik seperti dokumen rasmi, surat, gambar, peta, artifak, laporan akhbar dan arkib digital. Sumber-sumber ini membolehkan murid meneroka bukti sejarah, membina interpretasi serta menilai kesahihan maklumat secara kritis (VanSledright, 2010; Wineburg, 2001). Namun demikian, tidak semua sekolah mempunyai kemudahan dan akses yang mencukupi untuk memanfaatkan sumber tersebut secara optimum. Di samping itu, penggunaan sumber dan media digital dalam pengajaran Sejarah masih belum dimanfaatkan sepenuhnya walaupun pelbagai bahan sejarah telah didigitalkan dan tersedia melalui arkib serta repositori digital (Yacob et al., 2016). Keadaan ini menghadkan peluang guru mengintegrasikan sumber digital secara berkesan dalam pengajaran Sejarah, sekali gus membataskan peluang murid untuk mengembangkan kemahiran analisis, interpretasi dan penilaian yang menjadi teras kepada KPS dan KBAT.

Budaya Pembelajaran Berorientasikan Peperiksaan

Selain faktor pedagogi dan sumber, budaya pembelajaran yang berorientasikan peperiksaan turut menjadi cabaran dalam pelaksanaan KPS. Dalam sistem pendidikan yang masih menilai pencapaian murid berdasarkan prestasi akademik, sebahagian murid cenderung memberi tumpuan kepada strategi menjawab peperiksaan berbanding memahami proses pemikiran sejarah secara mendalam. Pengajaran Sejarah secara tradisionalnya terlalu berpusatkan fakta dan peperiksaan cenderung menjadikan murid penerima maklumat pasif serta melihat

pembelajaran Sejarah sebagai usaha menguasai fakta untuk peperiksaan, bukannya sebagai proses membina kefahaman sejarah yang bermakna melalui analisis dan interpretasi bukti sejarah (López-Fernández et al., 2023; Wineburg, 2001).

Budaya sedemikian boleh mengurangkan motivasi murid untuk meneroka sumber, membina interpretasi, atau menghasilkan hujah sejarah yang kritis. Sedangkan penguasaan KPS memerlukan penglibatan aktif murid dalam proses analisis dan refleksi yang berterusan. Oleh itu, perubahan budaya pembelajaran daripada berorientasikan peperiksaan kepada pembelajaran yang menekankan pemikiran dan penerokaan ilmu merupakan antara cabaran terbesar dalam usaha memperkukuh KPS dan KBAT.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan KPS dalam pendidikan Sejarah masih berhadapan dengan pelbagai cabaran yang boleh menjejaskan keberkesannya sebagai medium pengukuhan KBAT. Cabaran yang melibatkan amalan pedagogi, kompetensi guru, kekangan kurikulum, keterbatasan sumber, dan budaya peperiksaan perlu ditangani secara menyeluruh melalui kerjasama antara guru, sekolah, institusi latihan perguruan, dan KPM. Langkah ini penting bagi memastikan aspirasi RPM 2026–2035 untuk melahirkan murid yang berfikiran kritis, reflektif, dan berkeupayaan tinggi dapat direalisasikan melalui pengajaran dan pembelajaran Sejarah yang lebih bermakna.

Strategi Pemerkasaan KPS Dalam Era RPM 2026–2035

Bagi memastikan KPS berfungsi secara efektif sebagai medium pengukuhan KBAT, pelbagai strategi perlu dilaksanakan secara sistematik dan bersepadu. Selaras dengan aspirasi RPM 2026–2035 yang menekankan pembangunan murid yang berfikiran kritis, kreatif, dan berdaya saing, pengajaran Sejarah perlu bergerak daripada pendekatan berorientasikan penyampaian kandungan kepada pendekatan yang menggalakkan penerokaan ilmu, pembinaan makna, dan penaakulan berasaskan bukti. Dalam konteks ini, pemerkasaan KPS memerlukan transformasi pedagogi yang memberi penekanan terhadap penglibatan aktif murid dalam proses pembelajaran.

Pembelajaran Berasaskan Inkuiri

Pembelajaran berasaskan inkuiri merupakan antara pendekatan yang paling sesuai dalam memperkukuh KPS kerana pendekatan ini menempatkan murid sebagai peneroka ilmu yang aktif. Melalui inkuiri, murid digalakkan mengemukakan persoalan sejarah, mencari dan menganalisis sumber, serta membina kesimpulan berdasarkan bukti yang diperolehi. Pendekatan ini selaras dengan sifat disiplin sejarah yang menuntut proses penyiasatan dan penilaian terhadap evidens sebelum sesuatu tafsiran dibentuk.

Dalam pelaksanaan KPS, pendekatan inkuiri membolehkan murid mengaplikasikan kemahiran meneroka bukti, membuat interpretasi, dan membuat rasionalisasi secara lebih bermakna. Melalui proses tersebut, murid bukan sahaja memperoleh pengetahuan sejarah, malah berupaya mengembangkan kemahiran analisis, penilaian, dan penyelesaian masalah yang menjadi komponen utama KBAT. Oleh itu, pembelajaran berasaskan inkuiri wajar dijadikan amalan utama dalam pengajaran Sejarah di sekolah menengah.

Pembelajaran Berasaskan Masalah

Pembelajaran berasaskan masalah turut berpotensi memperkukuh KPS dan KBAT dalam kalangan murid. Pendekatan ini melibatkan penggunaan isu atau permasalahan sejarah sebagai titik permulaan pembelajaran. Murid dikehendaki mengenal pasti isu, meneliti pelbagai sumber,

menganalisis faktor yang mempengaruhi sesuatu peristiwa, dan mengemukakan penyelesaian atau justifikasi berdasarkan bukti yang diperoleh. Melalui pendekatan ini, murid berpeluang mengembangkan kemahiran membuat interpretasi dan rasionalisasi secara lebih mendalam. Mereka juga dapat memahami bahawa sesuatu isu sejarah sering melibatkan pelbagai perspektif dan tidak mempunyai satu jawapan yang mutlak. Keadaan ini mendorong murid menggunakan pemikiran kritis dan reflektif dalam menghasilkan keputusan yang lebih rasional dan berasaskan evidens.

Pentaksiran Berasaskan KBAT

Pemeriksaan KPS turut memerlukan perubahan dalam aspek pentaksiran. Pentaksiran yang terlalu menumpukan penguasaan fakta kurang berupaya mengukur tahap penguasaan KPS dan KBAT secara menyeluruh. Oleh itu, pentaksiran perlu memberi ruang kepada murid untuk menunjukkan keupayaan menganalisis sumber, membina interpretasi, dan menghasilkan hujah yang berasaskan bukti sejarah.

Pelaksanaan tugas berbentuk kajian kes, analisis dokumen, projek sejarah, dan pembentangan dapat membantu menilai keupayaan murid mengaplikasikan KPS dalam situasi sebenar. Pentaksiran sedemikian bukan sahaja mengukur penguasaan kandungan, malah menilai proses pemikiran yang digunakan oleh murid dalam membina kefahaman sejarah. Pendekatan ini selaras dengan hasrat RPM 2026–2035 untuk memperkukuh pembelajaran bermakna dan pembangunan kompetensi murid secara holistik.

Penggunaan Sumber Sejarah Autentik

Penggunaan sumber sejarah autentik merupakan strategi penting dalam memperkukuh KPS kerana ia memberi peluang kepada murid berinteraksi secara langsung dengan bahan yang mempunyai nilai sejarah. Sumber seperti dokumen rasmi, surat-menyurat, gambar, peta, laporan akhbar, memoir, dan artifak membolehkan murid meneroka bukti sejarah secara lebih mendalam serta memahami bagaimana sesuatu tafsiran sejarah dibina.

Pendedahan kepada sumber autentik dapat meningkatkan keupayaan murid menilai kesahihan maklumat, mengenal pasti perspektif yang berbeza, dan membina hujah yang lebih berasaskan evidens. Selain itu, penggunaan sumber autentik turut menjadikan pembelajaran Sejarah lebih menarik dan kontekstual kerana murid dapat melihat hubungan yang lebih jelas antara kandungan yang dipelajari dengan realiti sejarah yang sebenar.

Integrasi Teknologi Digital

Perkembangan teknologi digital membuka peluang yang lebih luas untuk memperkukuh pelaksanaan KPS dalam pendidikan Sejarah. Pelbagai sumber sejarah kini boleh diakses melalui arkib digital, perpustakaan dalam talian, muzium maya, dan pangkalan data sejarah yang membolehkan murid meneroka maklumat secara lebih meluas dan fleksibel. Teknologi digital juga menyediakan ruang untuk aktiviti pembelajaran yang lebih interaktif seperti simulasi sejarah, peta digital, dan analisis dokumen secara dalam talian.

Dalam konteks KPS, penggunaan teknologi digital dapat memperkayakan pengalaman pembelajaran murid melalui akses kepada pelbagai sumber dan perspektif sejarah. Pada masa yang sama, murid dapat mengembangkan keupayaan menilai kesahihan maklumat serta mengenal pasti unsur manipulasi atau bias yang terdapat dalam sesuatu sumber. Keupayaan ini amat penting dalam era digital yang menyaksikan penyebaran maklumat sejarah secara pantas melalui media sosial dan platform komunikasi moden.

Secara keseluruhannya, pemeraksanaan KPS memerlukan pendekatan pedagogi yang lebih dinamik, berpusatkan murid, dan berorientasikan pembangunan pemikiran aras tinggi. Pembelajaran berasaskan inkuiri, pembelajaran berasaskan masalah, pentaksiran berasaskan KBAT, penggunaan sumber sejarah autentik, dan integrasi teknologi digital berpotensi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan KPS dalam bilik darjah. Pelaksanaan strategi-strategi ini bukan sahaja dapat memperkukuh penguasaan KBAT, malah menyumbang kepada pembentukan murid yang mempunyai literasi sejarah, pemikiran kritis, dan keupayaan membuat pertimbangan secara rasional selaras dengan aspirasi RPM 2026–2035.

Rumusan Dan Implikasi

KPS merupakan komponen penting dalam pendidikan Sejarah yang berfungsi sebagai medium utama dalam mengoperasikan KBAT dalam kalangan murid sekolah menengah. Melalui elemen memahami kronologi, meneroka bukti, membuat interpretasi, membuat imaginasi, dan membuat rasionalisasi, murid bukan sahaja memperoleh pengetahuan tentang peristiwa lampau, malah berupaya mengembangkan kemahiran analisis, penilaian, dan penaakulan yang diperlukan untuk menghadapi cabaran abad ke-21. Keupayaan tersebut menjadikan pembelajaran Sejarah lebih bermakna kerana murid didorong untuk memahami sejarah secara kritis, reflektif, dan berasaskan bukti, selaras dengan tuntutan pendidikan kontemporari.

Sorotan literatur menunjukkan bahawa KPS mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembangunan KBAT kerana kedua-duanya menekankan proses pemikiran yang melibatkan analisis maklumat, penilaian terhadap evidens, pembinaan hujah, dan penghasilan pertimbangan yang rasional. Dalam konteks pendidikan Sejarah, KPS berperanan sebagai mekanisme pedagogi yang membolehkan murid mengaplikasikan KBAT secara autentik melalui penerokaan sumber, interpretasi sejarah, dan penilaian terhadap pelbagai perspektif. Oleh itu, pengukuhan KPS perlu dilihat sebagai satu keutamaan dalam usaha meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah menengah.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan KPS masih berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti amalan pedagogi yang berorientasikan hafalan, kekangan masa dan kurikulum, keterbatasan sumber pembelajaran, serta tahap kompetensi guru yang berbeza-beza. Cabaran-cabaran tersebut menunjukkan bahawa kejayaan pelaksanaan KPS tidak hanya bergantung kepada kandungan kurikulum, tetapi turut dipengaruhi oleh kesediaan guru, pendekatan pentaksiran, dan sokongan institusi pendidikan. Sehubungan itu, usaha pemeraksanaan KPS perlu dilaksanakan secara menyeluruh melalui pengukuhan pedagogi berasaskan inkuiri, penggunaan sumber sejarah autentik, pentaksiran yang berorientasikan KBAT, dan pembangunan profesionalisme guru secara berterusan.

Dari sudut implikasi, KPM perlu memastikan pelaksanaan RPM 2026–2035 memberi penekanan yang lebih jelas terhadap pembangunan KPS sebagai asas pengukuhan KBAT dalam pendidikan Sejarah. Institusi latihan perguruan pula perlu memperkukuh latihan berkaitan pedagogi pemikiran sejarah agar guru mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi untuk melaksanakan KPS secara berkesan. Pada peringkat sekolah, guru Sejarah perlu mengamalkan pendekatan pengajaran yang lebih berpusatkan murid dan memberi peluang kepada mereka meneroka, mentafsir, serta menilai bukti sejarah secara kritis dan reflektif.

Kesimpulannya, KPS bukan sekadar elemen kurikulum yang menyokong pembelajaran Sejarah, tetapi merupakan mekanisme pedagogi yang berperanan secara langsung dalam

memperkuh penguasaan KBAT dalam kalangan murid sekolah menengah. Penguasaan elemen kronologi, penerokaan bukti, interpretasi, imaginasi dan rasionalisasi membolehkan murid mengembangkan keupayaan analisis, penilaian dan penaakulan secara lebih sistematik serta berasaskan evidens sejarah. Selaras dengan aspirasi RPM 2026–2035, pengukuhan KPS berpotensi meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Sejarah serta menyumbang kepada pembangunan murid yang mempunyai keupayaan berfikir secara kritis, reflektif dan rasional.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) atas sokongan akademik yang diberikan sepanjang penyediaan kertas konseptual ini. Penghargaan turut ditujukan kepada semua pihak yang telah memberikan pandangan, cadangan, dan maklum balas yang membina sehingga menyumbang kepada penambahbaikan manuskrip ini.

Rujukan

- Anderson, L. W., & Krathwohl, D. R. (2001). *A taxonomy for learning, teaching, and assessing: A revision of Bloom's taxonomy of educational objectives: complete edition*. Addison Wesley Longman. <https://eduq.info/xmlui/handle/11515/18824>
- Anthony, L., & Sivakumar, P. (2022). A new digital literacy framework to mitigate misinformation in social media infodemic. *Global Knowledge, Memory and Communication*, 73(6–7), 809–827. <https://doi.org/10.1108/GKMC-06-2022-0142>
- Cairns, R., & Garrard, K. A. (2024). 'Learning from history is something that is important for the future': Why Australian students think history matters. *Policy Futures in Education*, 22(3), 369–382. <https://doi.org/10.1177/14782103231177615>
- Kaviza, M. (2018). Pengalaman Mengajar atau Latihan Profesional Guru dalam Mempengaruhi Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Menengah. *Journal of Social Science*, 4.
- Kaviza, M. (2021). Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah Dalam Pendidikan Sejarah: Satu Sorotan Kajian. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(11), 490–500. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i11.2063>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Sejarah Tingkatan 4 dan 5*. Bahagian Pembangunan Kurikulum. Didapatkan dari <https://ipim.jmm.gov.my/sites/default/files/dockokurikulum/DSKP-KSSM-SEJARAH-TINGKATAN-4-DAN-5.pdf>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2026). *Rancangan Pendidikan Malaysia 2026–2035*. Kementerian Pendidikan Malaysia. Didapatkan dari <https://bit.ly/DokumenRingkasanEksekutifRancanganPendidikanMalaysia2026-2035>
- Kropman, M., Van Drie, J., & Van Boxtel, C. (2023). The influence of multiperspectivity in history texts on students' representations of a historical event. *European Journal of Psychology of Education*, 38(3), 1295–1315. <https://doi.org/10.1007/s10212-022-00644-7>
- Lee, B. N. & Nurul Asyikin Hassan. (2023). Memupuk Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Pengajaran Sejarah. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 11(1), 81–87.
- Lévesque, S., & Clark, P. (2018). Historical Thinking. In *The Wiley International Handbook of History Teaching and Learning* (pp. 117–148). John Wiley & Sons, Ltd. <https://doi.org/10.1002/9781119100812.ch5>
- Levstik, L. S., & Barton, K. C. (2022). *Doing History: Investigating with Children in Elementary and Middle Schools* (6th ed.). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781003179658>

- López-Fernández, C., Tirado-Olivares, S., Mínguez-Pardo, R., & Cózar-Gutiérrez, R. (2023). Putting critical thinking at the center of history lessons in primary education through error- and historical thinking-based instruction. *Thinking Skills and Creativity*, 49, 101316. <https://doi.org/10.1016/j.tsc.2023.101316>
- Maria, J., & Ahmad, A. (n.d.). *Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah: Isu dan Masalah*.
- Miguel-Revilla, D., Sánchez-Agustí, M., & Carril-Merino, T. (2022). *History education and changing epistemic beliefs about history: An intervention in initial teacher training*. *South African Journal of Education*, 42(3), Article 2086. <https://doi.org/10.15700/saje.v42n3a2086>
- Mohd Sahid, S., & Hashim, S. (2022). Sikap Guru Sejarah Terhadap Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(11), e001898. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1898>
- Ni, L. B., & Hassan, N. A. (2023). Memupuk Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Pengajaran Sejarah. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 11(1), 81–87. <https://doi.org/10.51200/jpp.v11i1.4283>
- OECD. (2023, April 27). *Innovating Assessments to Measure and Support Complex Skills*. OECD Publishing. OECD. <https://doi.org/10.1787/e5f3e341-en>
- Ofianto, Aman, Ningsih, T. Z., & Abidin, N. F. (2022). The Development of Historical Thinking Assessment to Examine Students' Skills in Analyzing the Causality of Historical Events. *European Journal of Educational Research*, 11(2), 609–619. <https://doi.org/10.12973/eu-jer.11.2.609>
- Piaw, C. Y., Ying, L. F., & Chiat, L. F. (2025). Unveiling key e-learning ingredients for enhancing higher-order thinking skills. *Discover Education*, 4(1), 202. <https://doi.org/10.1007/s44217-025-00600-9>
- Rahim, M. Z. N. M., Ahmad, A., & Othman, N. (2021). Pembelajaran Berasaskan Projek terhadap Penguasaan Kemahiran Pemikiran Sejarah. *Jurnal Personalia Pelajar*, 24(1).
- Sahid, S. M., Hashim, S., & Sahid, S. M. (2024). Cabaran Guru Sejarah Melaksanakan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Sejarah. *Paradigma*, 27(1). <https://paradigmaipgktb.com/index.php/journal/article/view/29>
- Seixas, P., & Morton, T. (2013). *The Big Six Historical Thinking Concepts*.
- VanSledright, B. (2010). *The challenge of rethinking history education: On practices, theories, and policy*. Routledge.
- Wineburg, S. S. (with Internet Archive). (2001). *Historical thinking and other unnatural acts: Charting the future of teaching the past*. Philadelphia: Temple University Press. <http://archive.org/details/historicalthinki0000wine>
- Yacob, S., Rus, A. K. A. M., & Zainol, R. (2016). Potensi di luar tempurung: Halatuju digitalisasi sejarah di Malaysia. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(13). <http://ejournal.ukm.my/gmjss/article/view/16316>